



Dari kiri, Timbalan Pengarah CIAS, Hara Shoichiro, Dr Yanagisawa Masayuki dan Julien Bourdon Miyamoto pada Seminar dan Pelancaran Penerbitan Digital Qalam di Hotel Putra, baru-baru ini.

[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM / BH]

Tidak ramai sedar kewujudan Qalam

» Majalah pramerdeka bertulisan rumi boleh diperolehi dalam bentuk digital

Oleh Hafizah Iszahanid
hafizah@bh.com.my

Pembabitan majalah *Guru* dalam memperjuangkan kemerdekaan negara diketahui ramai, tetapi tidak ramai yang mengetahui pembabitan sebuah lagi majalah, *Qalam*, dalam hal sama meskipun hakikatnya majalah bertulisan jawi yang terbit sejak 1950 itu bertahan selama 20 tahun.

Pensyarah Pusat Kajian Kawasan Bersepadu (CAIS), Universiti Kyoto, Jepun, Prof Madya Yamamoto Hiroyuki, mendedahkan *Qalam* adalah majalah untuk orang Islam dan bangsa Melayu yang diterbitkan di Singapura, tetapi diedarkan di seluruh Tanah Melayu termasuk Borneo, Indonesia dan Selatan Thailand.

"Saya menemui ratusan isu majalah *Qalam* yang disimpan dalam bentuk mikrofilem di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Perpustakaan Za'ba di Universiti Malaya ketika membuat penyelidikan mengenai Sabah. Ketika mengkaji mengenai gerakan kemerdekaan bangsa Melayu, saya selalu tertanyanya dari manakah datangnya motivasi ini?"

"Selama ini disebut faktor kemerdekaan Indonesia dan Asia Barat, tetapi apakah saluran pengantara berita kemerdekaan Indonesia dalam menjana idea



“*Qalam* lantang dalam menegur kepentingan bangsa Melayu dan Islam. Antara isu yang disentuh termasuklah kepentingan bahasa Melayu dan tulisan jawi, kritikan menentang Malayan Union, prinsip Jus Soli dan isu Natrah yang kecoh di Singapura”

Dr Tsuboi Yuji,
Ketua Projek Qalam CAIS


kemerdekaan Malaysia? Ada banyak akhbar dan majalah di Malaysia, tetapi hakikat *Qalam* bertahan selama 20 tahun membuktikan ia bijak 'membaca' masyarakatnya," katanya ketika berucap pada Seminar Dari Warisan ke Wawasan: Penerbitan Digital *Qalam*.

Projek transliterasi digital *Qalam*

Perkenalan Hiroyuki dengan *Qalam* berlaku secara tidak se-



Peserta Seminar dan Pelancaran Penerbitan Digital *Qalam*.



Hara Shoichiro memberi penerangan pada Seminar dan Pelancaran Penerbitan Digital *Qalam* di Hotel Putra.

ngaja ketika beliau membuat kajian doktor falsafah mengenai Sabah dan berkesudahan dengan pembabitannya secara cergas dalam projek transliterasi digital *Qalam* bersama-sama 16 lagi penyelidik dari CAIS.

Pusat terbahit menjalankan kerjasama dengan Klasika Media - Akademi Jawi Malaysia dan Perbadanan Kota Buku men-transliterasikan 229 isu *Qalam* dari tulisan jawi ke rumi sebelum bahan itu kemudian disimpan dalam bentuk digital untuk dikongsi dengan orang ramai.

"Sangat rugi jika bahan seperti ini tidak dapat dikongsi dengan orang awam. *Qalam* bukan hanya majalah, tetapi dokumentasi yang merakam sejarah awal Malaysia. Sebenarnya sukar mendapatkan bahan yang lengkap kerana isu *Qalam* tidak tersimpan setempat," katanya.

Projek yang berjalan sejak 2011 itu memakan masa dua tahun dan sehingga kini sudah 50 peratus kerja transliterasi selesai. Pangkalan data yang menyimpan semua isu digital *Qalam* menggunakan teknologi yang sama dengan pangkalan data sejarah gempa bumi Jepun.

Ketua Projek Qalam CAIS, Dr Tsuboi Yuji pula berkata, *Qalam* yang miliki Melayu keturunan Arab yang juga bekas wartawan Utusan Melayu Press, Ahmad Lutfi, diterbitkan setiap bulan banyak menulis isu berkaitan kepentingan Melayu dan Islam.

Lantang tegur kepentingan Melayu, Islam

"*Qalam* lantang dalam menegur kepentingan orang Melayu dan Islam. Antara isu yang disentuh termasuklah kepentingan bahasa Melayu dan tulisan jawi, kritikan menentang Malayan Union, prinsip Jus Soli dan isu Natrah yang kecoh di Singapura," katanya ketika berkongsi Sudut Pandang Pilihan Melayu Islam dari Singapura.

Ketua Pengarah Klasika Media - Akademi Jawi Malaysia, Muhammad Syukri Rosli, berkata mereka menawarkan koleksi penuh transliterasi *Qalam* untuk isu Ogos 1957 hingga April 1959 dan daripada 50 peratus projek *Qalam* yang berjaya ditransliterasikan, sebahagiannya sudah boleh diperolehi menerusi laman web *Klasika Media*.

"Versi jawi asal dan transliterasi rumi dicetak bersebelahan dan mengikut teks asal. Antara rencana yang boleh diperolehi termasuklah kemerdekaan, bahasa Melayu dan cabarannya, selain isu pendidikan bangsa Melayu, Kongres Kebudayaan Melayu dan isu kedaulatan Melayu dan Islam," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menyambut baik usaha CAIS kerana *Qalam* mengandungi pelbagai maklumat yang mewakili zamannya dan merumikan semua bahan itu juga memberi peluang kepada generasi muda atau mereka yang tidak memahami tulisan Jawi untuk mengetahui dan meneroka ilmu yang terhimpun di dalamnya.

"Transliterasi penting kerana tidak ramai orang yang boleh menulis dan memahami tulisan jawi dengan baik pada masa ini, apatah lagi ejaan baru tulisan jawi sekarang sangat berlainan daripada apa yang dipelopori oleh Za'ba," katanya.



“Sangat rugi jika bahan seperti ini tidak dapat dikongsi dengan orang awam. *Qalam* bukan hanya majalah, tetapi dokumentasi yang merakam sejarah awal Malaysia. Sebenarnya sukar mendapatkan bahan yang lengkap kerana isu *Qalam* tidak tersimpan setempat”

Prof Madya Yamamoto Hiroyuki,
Pensyarah Pusat Kajian Kawasan Bersepadu (CAIS), Universiti Kyoto



“Versi jawi asal dan transliterasi rumi dicetak bersebelahan dan mengikut teks asal. Antara rencana yang boleh diperolehi termasuklah kemerdekaan, bahasa Melayu dan cabarannya, selain isu pendidikan bangsa Melayu, Kongres Kebudayaan Melayu dan isu kedaulatan Melayu dan Islam”

Muhammad Syukri Rosli,
Ketua Pengarah Klasika Media - Akademi Jawi Malaysia